



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kajang, 29 Mac 2023

Nestlé Cares & MAGGI® Bawa Keberkatan Ramadan Kepada Rumah Amal

Agih 188,400 mangkuk Bubur Lambuk MAGGI® kepada masyarakat yang memerlukan di seluruh negara

KAJANG, 29 MAC – Berbekalkan semangat untuk beramal di bulan Ramadan yang mulia, MAGGI® berkongsi juadah buka puasa yang lazat untuk rakyat Malaysia yang memerlukan menerusi program bubur lambuk MAGGI®, dengan lebih daripada 188,400 mangkuk bubur lambuk diagihkan di seluruh negara. Inisiatif tahunan oleh MAGGI® ini adalah sebahagian daripada program Nestlé Cares yang bertujuan membawa kesan positif kepada masyarakat setempat.

Bagi memulakan inisiatif tahun ini, lebih 70 warga emas di Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia, Kajang dan 20 anak yatim dari Rumah Nur Kasih Bestari telah dijamu dengan juadah berbuka puasa tradisional kegemaran ramai iaitu bubur lambuk yang disediakan istimewa oleh anggota pasukan kepimpinan MAGGI® dan Nestlé Malaysia menggunakan ramuan segar dan produk-produk MAGGI®.

Sebelum itu, lebih daripada 40 sukarelawan Nestlé Cares telah bergotong-royong untuk membersihkan Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia dan kawasan sekitarnya. Di samping itu, para sukarelawan juga membersihkan kebun sayur di rumah tersebut yang membekalkan hasil segar tanaman sendiri untuk para penghuni. Memandangkan kebun tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya dan tiada sistem pengairan yang sewajarnya, para sukarelawan telah bekerjasama dengan komuniti pekebun Perumahan Awam Seri Perlis yang tampil untuk menyediakan infrastruktur dan berkongsi kepakaran dalam pertanian komuniti bandar untuk menambah baik kebun dan juga landskapnya. Mereka juga berkongsi petua tentang cara menjaga kebun sayur.

Untuk menceriakan lagi suasana Raya yang bakal disambut kelak, Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia juga menerima barangan dan peralatan baharu seperti set tilam dan tuala, permaidani, sistem bunyi baharu dan juga bekalan produk makanan dan minuman Nestlé untuk tempoh setahun.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Dengan niat untuk beramal dan berkongsi keberkatan pada bulan Ramadan yang mulia ini, kami berharap sumbangan kecil kami dapat membawa keceriaan kepada para penghuni rumah ini. Di samping itu, dengan penambahbaikan kebun sayur Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia, kami berharap ini dapat membantu para penghuni mengamalkan amalan pemakanan sihat, sejajar dengan matlamat kami untuk menggalakkan amalan pemakanan yang baik dalam kalangan rakyat Malaysia. Menerusi inisiatif bubur lambuk MAGGI® dan program Nestlé Cares, kami akan terus menyumbang kepada masyarakat dan membekalkan makanan kepada golongan yang memerlukan."

Cik Geetha Balakrishna, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MAGGI®, Nestlé (Malaysia) Berhad, menambah, "Sempena kempen '*Kongsi Resipi Kongsi Rezeki*' Ramadan, kami sangat berbesar hati diberi peluang menyantuni para penghuni Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia dan Rumah Nur Kasih Bestari untuk acara berbuka puasa. Inisiatif kami berkongsi rezeki dengan menyediakan bubur lambuk MAGGI® yang lazat berkhasiat sempena bulan puasa kini menjadi tradisi tahunan dan kami akan terus mengeratkan hubungan kami dengan rakyat Malaysia menerusi hidangan yang menyelerakan, sambil berpegang kepada komitmen kami terhadap program '*Cook the Difference*' dan menghasilkan kesan positif kepada masyarakat."

Menerusi Nestlé Cares, Syarikat menerajui dan menyokong pelbagai inisiatif sepanjang tahun yang bertujuan memberikan sumbangan positif kepada pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat yang memerlukan di Malaysia, di samping menganjurkan program-program lain.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Shahida Irawan atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+60 19 688 7204 (Shahida) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my